

UM bukan lagi Universiti perdana negara

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Universiti Malaya (UM) yang menurun ke kedudukan 192 dalam *Ranking* Universiti Dunia 2006 oleh *Times Higher Education Supplement* (THES) berkata, ia menerima hakikat bahawa ia tidak lagi merupakan Universiti perdana negara.

Naib Canselornya, Datuk Rafiah Salim, yang sedih dengan hal itu berkata, UM juga mengakui bahawa tempat utama dalam negara diambil alih oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Kami kini muncul dengan misi baru yang dilancarkan semalam dan dalam kenyataan misi baru itu, kami telah menggugurkan adjektif 'perdana'.

"Kami amat realistik. Juga kami tidak mahu terus berpegang dan hidup dengan kegemilangan lampau. Kami mahu membina daripada tapak sekarang menuju masa depan," katanya pada satu sidang akhbar di sini, hari ini.

Rafiah menyatakan, dalam beberapa bulan lepas, UM melaksanakan beberapa pelan tindakan bagi memperbaiki *rankingnya*.

"Barangkali ia cara untuk kita benar-benar menyatukan kerabat UM bagi mengangkat semula Universiti Malaya," kata beliau.

Beliau bagaimanapun mengakui bahawa keputusan itu merupakan satu daripada hari yang paling menyedihkan dalam kerjayanya.

Universiti tertuanegara itu, yang diletakkan dalam *ranking* antara 100 Universiti utama dunia dua tahun lepas, diletakkan pada kedudukan 192 oleh THES, turun daripada tempat 169 tahun lepas. Pada 2004, ia merupakan satu-satunya Universiti di Malaysiayang berada dalam senarai 200 teratas.

U K M diletakkan pada kedudukan 185 dalam *ranking* THES 2006 yang diterbitkan semalam, peningkatan besar daripada kedudukan 289 tahun lepas.

Rafiah bagaimanapun tidak terkejut dengan keputusan itu dan memang menjangkakannya, sambil menyatakan tidak banyak dapat dilakukan mengenainya dalam beberapa bulan lepas.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu oleh kerana Universiti itu masih menunggu butir-butir lanjut keputusan.

Sementara itu, Naib Canselor U K M, Prof. Datuk Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin ketika ditanya berkata, beliau hanya akan puas hati apabila U K M berada pada *ranking* nombor satu.

"Kita akan terima seadanya dan cuba memperbaiki dalam bidang yang kita kurang baik," kata beliau.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa tinjauan itu dijalankan secara relatif, oleh itu tidak harus menilai prestasi Universiti berdasarkan *ranking* itu.

Naib Canselor U P M, Prof. Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah berkata, pencapaian U P M ke kedudukan 292 dari 394 adalah kerana kejayaannya mengubah persepsi Universiti itu dari monodisiplin kepada multidisiplin.

Timbalan Naib Canselor U S M, Prof. Datuk Rosihan M. Ali berkata, U S M gembira kerana telah dapat meningkatkan kedudukannya dari 326 ke 277.

Terdahulu, mereka mengeluarkan kenya-